

# WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.  
SALMIAH  
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB  
CANSELOR  
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN  
PKS & KEUSAHAWANAN  
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

## MAJLIS PERASMIAN “INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON BUSINESS AND ENTREPRENEURSHIP (ISBE 1.0)”

DEWAN KULIAH 1 MASMED, KOMPLEKS USAHAWAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

Pertamanya, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul di dalam Majlis Perasmian INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON BUSINESS AND ENTREPRENEURSHIP (ISBE 1.0) yang penuh MESRA ini.

Bersama-sama dengan kita hari ini adalah delegasi daripada UIN Mahmud Yunus Batangas, Indonesia yang diketuai oleh Ybns. Dr. Rizal M. Ag., dan para pelajar daripada SMK Dato' Haji Kamaruddin yang diiringi oleh empat (4) guru pengiring. Sesungguhnya saya amat berbesar hati untuk menyambut kedatangan delegasi-delegasi kita walaupun asal nawaitunya adalah untuk mengadakan penanda aras antara organisasi namun lawatan ini telah dilebar luaskan skopnya sehingga wujudnya simposium ini.



Selamat datang ke MASMED UiTM buat semua delegasi-delegasi kita dan terima kasih kerana telah memilih MASMED UiTM sebagai destinasi lawatan penanda aras kali ini.

Untuk makluman semua, hari ini kita akan mendengar perkongsian penyelidikan antara dua (2) institusi pendidikan yang merangkumi bidang perniagaan dan keusahawanan berkaitan ekonomi dan pengurusan. Saya difahamkan juga delegasi daripada SMK Dato' Haji Kamaruddin berhasrat untuk melihat bagaimana “ambience” dan “lifestyle” di universiti secara umumnya. Secara dasarnya, alam universiti ini adalah alam mencari “jati diri” atau alam kemenjadian seseorang individu. Ibarat kita mendayung sampan, ke manakah hendak kita kemudikan sampan kita itu dan bagaimana kita mengemudi sampannya untuk sampai ke destinasi itu.

Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Pelaksana INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON BUSINESS AND ENTREPRENEURSHIP (ISBE 1.0) yang diterajui oleh Dr. Tengku Masaidh kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program ini.





### LATAR BELAKANG MASMED

Hadirin yang dikasihi,

Izinkan saya untuk memberikan pengenalan ringkas berkaitan MASMED. MASMED UTM adalah entiti yang dievolusikan daripada Malaysian Entrepreneurship Development Centre (MEDEC) yang berperanan dalam mewujudkan ekosistem keusahawanan dalam kalangan mahasiswa UTM. MASMED ini diterajui oleh seorang Penolong Naib Canselor dan terbahagi kepada dua (2) Pusat iaitu Pusat Keusahawanan Mahasiswa dan Pusat Pembangunan Keusahawanan yang didokong oleh 2 orang Pengarah, 7 orang Ketua Jabatan, 41 koordinator dan 13 orang staf pengurusan.

Visi MASMED adalah untuk mengubah kehidupan melalui keusahawanan dengan mengubah mindset pelajar agar lebih berdaya dalam mencari pekerjaan dan tidak hanya mampu mencipta pekerjaan untuk diri sendiri tetapi juga untuk graduan lain, sebagaimana yang diisukan dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030. Oleh itu, MASMED ini menfokuskan kepada Technopreneur, digital-preneur, Creative-preneur, Agro-preneur, Social-preneur, Eco-preneur, Culi-preneur dan Service-preneur. Alhamdulillah setakat ini MASMED telah berjaya melahirkan lebih 24,000 usahawan pelajar dan memenangi beberapa anugerah seperti Best Entrepreneurship Academy dan Entrepreneurship University of the Year.



### PEMBENTUKAN MINDA KEUSAHAWAAN DALAM KALANGAN SISWAZAH

Hadirin yang saya mulikan,

Minda keusahawanan adalah elemen penting yang memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi serta perkembangan masyarakat setempat. Semua individu, khususnya siswazah, perlu dipersiapkan dengan pemikiran yang membolehkan mereka melihat peluang, mengurus risiko, dan bertindak proaktif dalam merangka dan melaksanakan idea perniagaan. Memetik satu artikel yang dihasilkan oleh Prof Dr Abdul Samad Nawi (mantan PNC Keusahawanan UTM) untuk DagangNews yang yang menegaskan pemikiran yang berkesan adalah kunci kepada memupuk dan mengasah minda keusahawanan. Ia bukan sekadar berkaitan dengan maklumat yang ada, tetapi juga berkaitan dengan kreativiti, daya ketahanan, ketabahan, serta keberanian. Oleh itu, penting bagi masyarakat secara keseluruhannya, terutamanya siswazah dan bakal usahawan, untuk memahami dan menjadikan pemikiran yang berkesan sebagai asas bagi pembentukan minda keusahawanan yang berjaya.



Keusahawanan bukan hanya berkaitan dengan perniagaan semata-mata, tetapi ia merangkumi kemahiran kritis, kemahiran berfikir kreatif, kepantasan dalam mengambil keputusan, dan ketahanan terhadap cabaran dan kegagalan. Oleh itu, kita harus menggalakkan mindset keusahawanan dalam kalangan masyarakat khususnya siswazah, sebagai usaha untuk membentuk mereka menjadi generasi keusahawanan yang mampu mencipta peluang serta membawa ekonomi negara ke peringkat yang lebih tinggi.

Di MASMED, kami bersandarkan kepada tiga (3) teras dalam Model Pemerkasaan Keusahawanan iaitu Minda (Mind), Hati (Heart) dan Jiwa (Soul) yang diterjemahkan sebagai Minda Usahawan, Hati Usahawan dan Jiwa Usahawan. Dengan bersandarkan kepada faktor MINDA, HATI dan JIWA yang ditunjangi oleh tindakan secara langsung "going direct" atau "engagement" secara terus dengan pemain industri dalam bidang keusahawanan maka pemerkasaan minda keusahawanan ini menjadi lebih signifikan dan kekal. Dengan pemahaman ini, kita dapat membentuk minda keusahawanan yang dinamik, kreatif, dan proaktif, menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara serta memberi impak positif terhadap masyarakat secara menyeluruh.

### HARAPAN, UCAPAN TAHNIAH DAN PENUTUP BICARA

Tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang saya kasihi sekalian,

Saya berharap juga agar lebih banyak program bermanfaat sebegini dijalankan pada masa hadapan bagi memperkasakan jaringan kolaborasi tidak kira "local" mahupun peringkat antarabangsa selain daripada mengukuhkan lagi jalinan ukhuwah antara institusi pendidikan. Teruskan dengan program sebegini dengan lebih agresif lagi kerana kita tahu program sebegini selalunya akan menghasilkan peluang positif untuk para pendidik dan siswazah.

Saya ucapkan setinggi-tinggi syabas dan terima kasih kepada semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah memainkan peranan dan memberikan kerjasama dalam merealisasikan program ini. Semoga usaha dan sumbangan kita hari ini mendapat kerhdhan Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

**Bermain-main di pohon ara,  
Kelling pohon dipasang pelita;  
Kalau tersilap tutur bicara,  
Jemari disusun maaf dipinta.**

**MASMED UTM tempat bertemu,  
Gitrangnya rasa tidak terkira;  
Baliklah tuan membawa ilmu,  
Binalah bangsa bangunkan negara.**

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim...saya dengan ini merasmikan program "INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON BUSINESS AND ENTREPRENEURSHIP (ISBE 10)" pada kali ini. Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.



# Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan  
Keusahawan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



[korporatmasmed@uitm.edu.my](mailto:korporatmasmed@uitm.edu.my)



Kompleks Usahawan, UiTM



**KOMPLEKS  
USAHAWAN**